

Artikel

**Isteri B40 Kepada Penagih Dadah di Malaysia: Strategi Daya Tindak, Sumber Daya Tindak dan Kesejahteraan Psikologi**  
(*Wives of B40 Drug Addicts in Malaysia: Coping Strategies, Coping Resources, and Psychological Well-being*)

Nurul Saidatus Shaja'ah Ahmad Shahril<sup>1</sup>, Zarinah Arshat<sup>1,2\*</sup> & Haikal Anuar Adnan<sup>1,3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

\*Pengarang Koresponden: [zarinah\\_upm@upm.edu.my](mailto:zarinah_upm@upm.edu.my)

Diserah: 17 April 2023

Diterima: 30 Mei 2023

**Abstrak:** Peningkatan kes penyalahgunaan dadah telah mencetuskan kajian di seluruh dunia yang memfokuskan kepada impak penagihan dadah terhadap ahli keluarga. Dalam kalangan ahli keluarga penagih dadah, dapatan kajian lepas mendapati isteri penagih dadah merupakan antara individu yang tertinggi menerima impak penagihan suami. Sementara itu, isteri penagih dadah B40 pula dijangka berhadapan dengan tekanan yang lebih tinggi berbanding keluarga dalam golongan M40 dan T20. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti daya tindak dan adaptasi yang dilakukan oleh isteri B40 kepada penagih dadah di Malaysia, serta meneroka kesejahteraan psikologi responden selama tempoh pemulihan suami. Kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenalpasti responden yang menepati kriteria kajian. Responden seterusnya ditemu bual serta maklumat yang diberikan telah ditranskrip dan dianalisis untuk mengenalpasti tema-tema kajian. Hasil kajian mendapati dua tema telah dikenalpasti sebagai strategi daya tindak iaitu daya tindak fokus masalah dan daya tindak fokus emosi, tiga tema bagi sumber daya tindak iaitu komitmen keibubapaan, sokongan sosial dan ikatan emosi, serta dua tema bagi kesejahteraan psikologi iaitu ekspresi emosi negatif dan optimisme. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi yang signifikan terhadap kajian akan datang berkaitan isteri penagih dadah B40 di Malaysia. Disamping itu, dapatan kajian dapat digunakan oleh ahli psikologi serta ahli profesional lain dalam melakukan intervensi terhadap golongan ini.

**Kata kunci:** isteri B40; penagih dadah; daya tindak sumber daya tindak; kesejahteraan psikologi

**Abstract:** The increase in drug abuse cases has sparked studies around the world that focus on the impact of drug addiction on family members. Among drug addict families, previous research findings have shown that wives of drug addicts are among the individuals who experience the highest impact of their husband's addiction. Meanwhile, wives of B40 drug addicts are expected to face higher levels of pressure compared to families in the M40 and T20 groups. The main objective of this study was to identify the coping and adaptation performed by B40 wives of drug addicts in Malaysia, as well as to explore the psychological well-being of respondents during the husband's recovery period. The purposive sampling method was used to identify respondents who met the criteria of the study. Respondents were subsequently interviewed and the information provided was transcribed and analyzed to identify the themes of the study. The results of the study found that two themes have been identified as coping strategies, namely problem-focused coping and emotional-focused

coping, three themes for coping resources namely parental commitment, social support, and emotional bonding, and two themes for psychological well-being namely negative emotional expression and optimism. The findings of this study have significant implications for future research regarding B40 wives of drug addicts in Malaysia. Additionally, these research findings can be utilized by psychologists and other professionals in conducting interventions for this group.

**Keywords:** B40 wife; drug addict, coping; coping resources; psychological wellbeing

---

## Pengenalan

Penagihan dadah adalah virus yang menular dalam masyarakat di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Pastinya, penagihan ini tidak hanya berbahaya kepada pesakitnya secara individu, tetapi turut melampiaskan kesan kepada orang sekeliling sama ada secara terus atau tidak terus. Statistik terkini daripada Agensi Antidadah Kebangsaan pada tahun 2020 menunjukkan sebanyak 0.40% (128,325 orang) daripada populasi Malaysia yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Majoriti (95.5%) yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah golongan lelaki berbanding golongan wanita (4.5%). Berdasarkan kepada peratusan ini diandaikan lebih ramai isteri yang mempunyai suami yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Ini adalah indikator kepada jumlah keluarga yang mungkin terkesan dengan penagihan dadah tersebut terutamanya bagi penagih dadah yang sudah berkeluarga.

Menurut Singh, Azman dan Drani (2019) isteri kepada penagih dadah terpaksa berhadapan dengan pelbagai faktor tekanan sebagai impak kepada penyalahgunaan dadah oleh pasangan iaitu gabungan tekanan fizikal, mental, ekonomi dan sosial. Tekanan ini dapat dijelaskan dengan perubahan negatif secara fizikal dan kognitif yang dialami individu yang berada di bawah pengaruh dadah (National Institute of Drug Abuse, 2020). Tambahan pula, lelaki yang menagih dadah didapati kurang bertanggungjawab dan kurang memainkan peranan sosial dalam rumahtangga (Bekircan & Tanriverdi, 2019; Isaacs et al., 2019). Menurut Schultz dan Alpaslan (2020) pula, isteri penagih dadah cenderung mengalami pengalaman stres yang ekstrim, diabaikan, gangguan perhubungan, rasa malu serta diperlakukan secara agresif oleh suami. Penagihan dadah suami turut memberi kesan terhadap hubungan perkahwinan seperti kejituan perkahwinan berkurangan, kemusnahan komunikasi dan ketidakupayaan beradaptasi kepada perubahan keadaan (Ólafsdóttir, 2020). Disamping itu, kajian oleh Fathi et al. (2020) dan Wilson et al. (2019) mendapati antara masalah yang dihadapi oleh isteri adalah penarikan diri daripada masyarakat sosial, kurang sokongan sosial, mengalami keganasan dan penganiayaan, perhubungan yang kacau bilau, sering rasa tersisih dan terasing serta berisiko mengalami kesejahteraan yang rendah dan konflik perkahwinan. Berikutan itu, isteri terpaksa menanggung penambahan beban tanggungjawab rumahtangga bagi memastikan kefungsi keluarga tercapai. Tanggungjawab yang perlu dijalankan isteri kepada penagih dadah adalah termasuk melakukan beberapa pekerjaan bagi menambah pendapatan, menguruskan anak-anak serta menguruskan tugas di rumah dalam waktu yang sama. Kumulatif beberapa faktor tekanan tersebut bagaimanapun mendedahkan isteri kepada risiko kemerosotan kesejahteraan psikologi jika tidak melalui proses adaptasi dengan baik.

Kajian terdahulu mendapati daya tindak yang sering dilakukan oleh ahli keluarga kepada penagih dadah adalah merangkumi daya tindak adaptif dan maladaptif (Rao & Kuruvilla, 1992). Daya tindak adaptif merupakan tindakan pengurusan masalah bagi mengurangkan tekanan amat diperlukan untuk menangani tekanan dengan berkesan. Namun, dalam konteks keluarga kepada penagih dadah (dadah dan alkohol), ahli keluarga didapati lebih banyak menggunakan strategi daya tindak maladaptif seperti penafian, internalisasi, penyisihan, pengelakan, perbalahan, penyisihan ketakutan serta menurutkan kemahuan suami dalam menghadapi tekanan yang wujud (Rao & Kuruvilla, 1992; Gupta, Mattoo, Basu & Sarkar, 2014; McCann et al., 2018; Pandey & Shrestha, 2020). Keadaan ini menjadi satu kebimbangan tambahan pula wanita yang memegang beberapa peranan dalam keluarga cenderung untuk mempunyai kesihatan mental yang rendah (Piechowski, 1992). Antara daya tindak lain yang sering digunakan oleh isteri penagih dadah adalah daya tindak fokus masalah dan daya tindak fokus emosi (Subekti et al., 2021); kebergantungan, pengelakan seperti penarikan secara emosi atau fizikal, submisif terhadap pasangan dan melakukan konfrontasi (Schultz &

Alpaslan, 2020); melakukan rundingan dengan suami, daya tindak berfokuskan emosi seperti menangis, marah dan menunjukkan reaksi sensitif kepada suami (Fereidouni et al., 2015).

Sementara itu, dapatan kajian lalu turut mendapati sumber daya tindak yang menjadi kekuatan isteri kepada penagih dadah untuk menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan tekanan hidup adalah merangkumi sokongan sosial, sokongan emosi, perpaduan keluarga serta spiritualiti (Arcidiacono, Velleman, Procentese, Albanesi & Sommantico, 2009; Nadkarni et al., 2013; Singh, Azman & Drani, 2019). Menurut Carney et al. (2021), isteri penagih dadah memerlukan sumber daya tindak seperti sokongan sosial bagi mendapatkan pengetahuan dan informasi bagi berdaya tindak. Oleh itu, kajian ini mengengahkan dua persoalan utama iaitu:

- Apakah strategi daya tindak dan sumber daya tindak yang digunakan oleh isteri B40 kepada penagih dadah untuk mendidik dan membesarkan anak?
- Apakah keadaan kesejahteraan psikologi isteri B40 kepada penagih dadah selama tempoh pemulihan suami?

### **Metodologi**

Kajian ini secara dasarnya adalah kajian eksploratori dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif telah diaplikasikan bersesuaian dengan objektif kajian bagi mengenalpasti strategi daya tindak dan adaptasi yang digunakan oleh isteri B40 kepada penagih dadah dalam mendidik dan membesarkan anak. Peserta bagi kajian ini telah dikenalpasti menggunakan kaedah persampelan bertujuan berdasarkan kriteria seperti berikut: (a) isteri B40 kepada penagih dadah yang berada dalam pusat pemulihan dadah, (b) isteri B40 yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah, (c) berbangsa Melayu, dan (d) mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berumur 0-17 tahun yang tinggal bersama. Sebelum menjalankan pengumpulan data, kelulusan pelepasan etika telah diperolehi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Subjek Manusia Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Etika Universiti Penyelidikan Melibatkan Manusia). Enam orang isteri yang tinggal di negeri Johor dan Kedah telah terlibat dalam kajian ini.

Kaedah kutipan data yang digunakan adalah melalui temubual mendalam berpandukan soalan-soalan separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat tentang strategi daya tindak dan sumber daya tindak yang digunakan serta kesejahteraan psikologi dalam mendidik dan membesarkan anak ketika suami berada di pusat pemulihan dadah. Mengambil kira kepentingan etika dalam penyelidikan, setiap peserta telah diterangkan tentang kajian dan mengisi borang kebenaran sebelum temu bual kajian dijalankan. Setiap sesi temu bual telah dirakam dan ditranskrip. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian QSR NVivo 10 bagi mengenalpasti tema-tema berkaitan.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini telah disertai oleh enam orang peserta berumur dari 21 sehingga 41 tahun. Dari segi latar belakang pendidikan, rata-rata responden mencapai tahap pembelajaran sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), manakala seorang dari Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan seorang menamatkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda. Kebanyakan dari responden berkerja di sektor swasta, sementara seorang adalah merupakan kakitangan kerajaan. Berdasarkan kepada maklumat kajian, responden meraih pendapatan bulanan dalam julat RM600 sehingga RM3000. Berdasarkan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan terhadap enam orang responden, berikut adalah tema-tema bagi strategi daya tindak dan sumber daya tindak yang digunakan responden dalam membesarkan anak-anak semasa tempoh pemulihan suami di pusat pemulihan dadah. Menerusi analisis rakaman verbatim yang telah dijalankan, dua tema utama telah dikenalpasti sebagai strategi daya tindak, tiga tema berkaitan sumber daya tindak serta dua tema lagi dikenalpasti sebagai keadaan kesejahteraan psikologi responden. Berikut diuraikan perbincangan mengenai kategori dan tema bagi strategi daya tindak, sumber daya tindak dan kesejahteraan psikologi berdasarkan pengalaman isteri B40 kepada penagih dadah dalam membesarkan anak.

## 1. Strategi Daya Tindak

### *Tema 1: Daya tindak fokus masalah*

Berdasarkan analisis tematik yang telah dijalankan, empat kategori utama telah dikenalpasti bagi daya tindak fokus masalah yang digunakan responden kajian iaitu pengurusan kewangan, penyesuaian keibubapaan, penyesuaian perkahwinan dan tingkah laku cari bantuan. Lazarus dan Folkman (1984) mendefinisikan daya tindak fokus masalah sebagai strategi penyelesaian masalah dengan mensasarkan terus kepada punca masalah tersebut. Dapatan ini selari dengan dapatan Subekti et al. (2021) yang mendapati daya tindak utama yang sering digunakan isteri penagih dadah adalah daya tindak fokus masalah. Secara puratanya, majoriti daripada responden menggunakan daya tindak fokus masalah dalam membesarkan anak-anak. Menurut Abd. Moen, Che Omar, Ishak, Darawi dan Hamdan (2012), pengurusan kewangan merujuk kepada satu seni dan sains dalam pengendalian wang yang diperolehi individu atau organisasi. Kenyataan Informan 3 menjelaskan pengurusan kewangan yang lebih berkesan mampu meringankan tekanan ekonomi yang sedang dihadapi responden. Alternatif menambah pendapatan keluarga dan berjimat mendorong mereka untuk lebih beradaptasi dengan keadaan ekonomi keluarga. Manakala kenyataan daripada Informan 5 menunjukkan pengurusan kewangan melalui aktiviti simpanan didapati dapat menampung perbelanjaan keluarga responden ketika sedang menghadapi kesukaran ekonomi, secara terperinci bagi memenuhi keperluan asas harian, kesihatan serta keperluan pendidikan anak-anak.

*“Saya berniaga lah. Saya berniaga jual apa-apa jelah yang boleh. Pastu saya ajar mengaji. Tambah la. Tambah-tambah la tu. Pastu hadkan perbelanjaan. Tak adalah nak cuti-cuti tu. Memang tak ada.”*

(Informan 3)

*“Sekarang ni kalau bab kewangan, saya ada lah keluarkan duit KWSP tu kan. Kira ada lah kewangan daripada tu. Lepas tu kerajaan ada bagi bantuan prihatin tu, kira okey lah dapatlah menampung saya anak beranak. Kira kewangan yang ada tu saya guna lah untuk tampung anak sekolah ke, anak sakit ke, barang pampers dia ke.”*

(Informan 5)

Penyesuaian keibubapaan juga merupakan pendekatan atau strategi yang digunakan responden dalam kajian ini. Istilah penyesuaian keibubapaan tidak mempunyai definisi rasmi namun dapat difahami dengan proses modifikasi dan penyesuaian yang dilakukan ibu bapa kepada perubahan tugas dan tanggungjawab keibubapaan (American Psychological Association, 2009). Dalam konteks keluarga penagih dadah, seluruh tanggungjawab keibubapaan lazimnya berpindah kepada isteri. Oleh itu, isteri kepada penagih dadah perlu melakukan penyesuaian kepada perubahan tanggungjawab tersebut bagi memenuhi keperluan asas ahli keluarga termasuklah mencari nafkah dan menguruskan anak-anak. Kenyataan daripada Informan 2 menunjukkan Informan telah mengambil langkah proaktif dengan mendidik anak-anak tentang tugas asas pengurusan diri dan rumah bagi menyeimbangkan tanggungjawab sebagai seorang ibu yang perlu menguruskan rumahtangga bersendirian.

*“Ha macam dorang ni memang kat rumah ni, memang saya dah ajar dorang kemas rumah. Memang berdikari. Yang adik tu kadang-kadang Baba dia tidur 2 hari 3 hari, haa dorang la yang akan jaga semua.”*

(Informan 2)

Di samping itu, penyesuaian perkahwinan ditakrifkan sebagai pengalaman pasangan yang telah berkahwin dalam menyesuaikan diri dengan hubungan perkahwinan (Kendrick & Drentea, 2016). Dalam kajian ini, responden didapati melakukan penyesuaian perkahwinan secara pengabaian dan penceraian. Penyataan Informan 2 menunjukkan responden mengaplikasikan langkah pengabaian disebabkan suami mengasingkan diri dan hanya menjalani rutin harian berkerja. Manakala penyataan daripada Informan 1 menunjukkan daya tindak penghindaran dilakukan. Daya tindak penghindaran tersebut sering dibincangkan sebagai jenis daya tindak maladatif yang kurang efektif dalam mendepani sesuatu situasi tekanan serta

dikaitkan dengan kesan negatif dalam kesejahteraan mental untuk jangka masa panjang (Holahan, Moos, Holahan, Brennan & Schutte, 2005).

*“Saya banyak tak layan dia la. Sebab dia duduk belakang kan. Saya buat hal saya je la. Pergi kerja, balik kerja”.*

(Informan 2)

*“Nak cakap pun kadang tak bercakap. Duduk satu rumah tapi tak bercakap. Cakap benda-benda penting je. Tak penting, tak cakap.”*

(Informan 1)

Sepanjang berhadapan dengan isu kekeluargaan kesan penagihan dadah suami, hampir kesemua responden menyatakan perancangan dan keinginan untuk bercerai seperti yang dilaporkan oleh Informan 6. Perancangan penceraian tersebut adalah langkah penyesuaian perkahwinan yang dilakukan responden setelah tidak dapat bertahan dengan tekanan sepanjang suami menagih dadah. Malahan, terdapat responden yang didapati pernah melalui penceraian sebelum ini seperti yang dilaporkan Informan 4. Ini menunjukkan responden telah melalui krisis perkahwinan sehingga berlakunya penceraian berulang dengan pasangan.

*“Apa yang berlaku sepanjang beberapa tahun perangai sikapnya tu, memang ada lah perasaan hati yelah, ada juga nak minta fasakh ke. Memang ada juga masa tu pergi minta fasakh kan.”*

(Informan 6)

*“Kalau ikut kan, kami sebelum ni kami 2 kali cerai dah. Dalam hujung-hujung bulan tahun lepas kot, baru kami rujuk. Lepas tu dalam sebulan dia kena pulak.”*

(Informan 4)

Seterusnya, tingkah laku cari bantuan (*help-seeking behavior*) adalah antara strategi yang digunakan responden dalam menempuh fasa tekanan terutamanya dalam mendapatkan sokongan material dan informasi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, tingkah laku cari bantuan bermaksud sebarang tindakan mencari bantuan melalui saluran formal dan tidak formal ketika berhadapan dengan masalah tertentu atau berada dalam keadaan yang tertekan. Strategi daya tindak cari bantuan ini dapat dibuktikan melalui pernyataan oleh Informan 2. Pernyataan tersebut menunjukkan ikhtiar giat responden untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi dengan mendapatkan sumber bantuan kewangan yang tersedia.

*“Saya pergi minta bantuan kan. Parlimen. Ha camtu la. Dia ada sediakan bantuan persekolahan. Lepastu baitulmal. Baitulmal apa emm pejabat agama. Dia sediakan bantuan untuk sekolah kan. Emm, saya mohon la kat situ. Untuk tambah-tambah kan yuran dorang. Sebab gaji saya tak cukup. Gaji saya RM900 je kan.”*

(Informan 2)

## *Tema 2: Daya Tindak Fokus Emosi*

Hasil kajian juga mendapati responden menggunakan daya tindak fokus emosi dalam menghadapi tekanan. Daya tindak yang berfokuskan emosi ini melibatkan pengurangan perasaan negatif berkenaan dengan tekanan yang dihadapi (Lazarus & Folkman, 1984). Dapatan kajian ini turut selari dengan dapatan kajian oleh Subekti et al. (2021) yang mendapati daya tindak fokus emosi sering digunakan oleh isteri penagih dadah. Responden dalam kajian ini didapati menggunakan pendekatan rohaniah dan aktiviti terapi kreatif seperti yang dinyatakan Informan 4. Pernyataan tersebut menyampaikan bahawa pendekatan rohaniah membantu responden menghadapi tekanan, tambahan pula jika tidak mendapatkan sokongan dari sesiapa. Majoriti isteri kepada penagih dadah yang terlibat dalam kajian ini telah melaporkan pendekatan secara rohaniah iaitu mendekati diri dengan Allah melalui doa, solat dan sabar. Penerapan elemen spiritualiti dalam proses daya tindak ini dapat membentuk kesejahteraan psikologi yang baik, kehidupan yang lebih positif dan kebahagiaan hidup yang lebih bermakna dalam kalangan wanita (Kasim, Abdul Sani & Manap, 2017). Selain itu, responden juga meluangkan masa bermain permainan video sebagai terapi kreatif ketika menghadapi tekanan seperti yang

dinyatakan oleh Informan 1. Ini menunjukkan responden melakukan aktiviti terapi kreatif bagi mengisi masa sebagai alternatif menghadapi tekanan. Ini disokong oleh beberapa dapatan kajian yang mencadangkan permainan video sebagai strategi daya tindak yang dapat mengurangkan tekanan individu (Roy & Ferguson, 2016).

*“Yelah dia duduk kat sana, saya banyakk dekat dengan Allah lah. Sebab dia tak pandai agama, bila saya ajak dia dia sebelum ni, dia pun tak mahu. Jadi kita ni jadi macam tak ni lah.. Yelah bila suami tak buat, kita pun jadi tak ni la. Sejak dia duduk sana, Alhamdulillah lah kira buat lah. Sebab kita sedih, tiada siapa, Tuhan je yang sentiasa ada dengan kita. Sebab saya memang tak ada support dari family apa semua. Saya sendiri cari.”*

(Informan 4)

*“Saya isi masa saya tu dengan game. Bila anak saya tidur je tu, saya mainlah game.”*

(Informan 1)

## 2. Sumber Daya Tindak

Tiga kategori telah dikenalpasti mempunyai perkaitan dengan sumber daya tindak yang menjadi kekuatan responden dalam kajian ini iaitu komitmen keibubapaan, sokongan sosial dan ikatan emosi. Sumber daya tindak secara ringkasnya adalah sumber-sumber yang digunakan oleh individu bagi mengatasi tekanan (Lazarus & Folkman, 1984). Sumber tersebut sering ditekankan sebagai elemen pendayaupayaan individu untuk beradaptasi dengan lebih berkesan.

### *Tema 1: Komitmen keibubapaan*

Secara keseluruhannya, kebanyakan isteri menekankan bahawa kekuatan mereka untuk menghadapi tekanan sebagai isteri B40 kepada penagih dadah yang ditempatkan di pusat pemulihan dadah, adalah disebabkan anak. Komitmen keibubapaan telah dikenalpasti sebagai sumber daya tindak utama untuk mereka terus beradaptasi dengan keadaan keluarga seperti melalui pernyataan oleh Informan 5. Pernyataan tersebut menunjukkan komitmen responden untuk menjalankan peranan sebagai seorang ibu bagi membesarkan anak-anak walaupun responden didapati mempunyai kurang kekuatan untuk menghadapi tekanan tersebut. Sementara itu, responden kajian turut menunjukkan keprihatinan terhadap keperluan kasih sayang yang diperlukan anak-anak ketika membesar seperti yang dinyatakan Informan 3. Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa responden mempamerkan tanggungjawab sebagai ibu untuk memastikan anak-anak mendapat kasih sayang dan mengekalkan hubungan yang baik dengan bapa walaupun dalam keadaan keluarga berhadapan dengan isu penagihan dadah suami.

*“Saya sekarang ni saya fikir anak-anak je. Sebenarnya saya memang tak kuat. Saya tak kuat semangat. Saya fikir anak-anak. Anak saya kecil lagi. Anak saya nak membesar. Saya kena kuatkan semangat.”*

(Informan 5)

*“Saya bertahan tu sebab mula-mula tu fikir anak. Sebab dorang rapat dengan ayah dia. Kira sayang la.”*

(Informan 3)

### *Tema 2: Sokongan sosial*

Selain itu, sokongan sosial dari ahli keluarga dan rakan-rakan juga adalah sumber daya tindak yang dikenalpasti mendorong responden melakukan proses adaptasi dengan lebih baik. Sokongan sosial merujuk kepada fungsi dan kualiti hubungan sosial seperti ketersediaan bantuan atau sokongan yang diterima melalui satu proses interaktif (Schwarzer & Leppin, 1991). Dapatan ini bertepatan dengan pandangan Carney et al. (2021) yang menyatakan isteri penagih dadah memerlukan sokongan sosial sebagai sumber daya tindak bagi mendapatkan informasi dan pengetahuan. Melalui pernyataan Informan 2, sokongan dan bantuan dari keluarga dan masyarakat sekeliling didapati menjadi faktor kekuatan responden terutamanya untuk meneruskan kehidupan serta mendapatkan perkerjaan. Responden menunjukkan rasa sukar untuk menghadapi cabaran jika

tidak menerima sokongan-sokongan tersebut. Ini juga menggariskan bahawa sokongan sosial tersebut dapat meningkatkan keupayaan responden bagi melakukan proses daya tindak yang positif. Di samping itu, sokongan sosial dari segi nasihat dan sokongan moral daripada rakan dan ahli keluarga didapati menyumbang kepada ketahanan responden terhadap tekanan seperti yang ditekankan oleh Informan 3. Pernyataan tersebut menumpukan rakan sebagai penyokong utama ketika responden memerlukan nasihat dan sokongan emosi terutama ketika berhadapan kesusahan dan menempuh fasa kehamilan. Sokongan sosial juga telah dikenalpasti dapat membantu isteri yang mengetuai keluarga untuk berdaya tindak dengan masalah kewangan, emosional dan sosial (Arcidiacono, Velleman, Procentese, Albensi & Sommantico 2009; Bhowmick, Tripathi, Jhingan & Pandey, 2001; Chanda & Pujar, 2018; Taylor, Stevens, Agho & Raphael, 2017; Abd Hamid & Salleh, 2013; Tran & McInnis-Dittrich, 2000).

*“Sebab banyak macam sokongan keluarga. Keluarga pun banyak bantu. Lepastu banyak orang sekeliling la kitaorang jadi kuat. Lepastu ada orang bagi kerja sana sini kan. Kalau tidak pun kita memang down la kan. Tapi banyak orang nasihatkan saya semua. Alhamdulillah la.”*

(Informan 2)

*“Bagi saya, kawan saya seorang lagi yang tahu saya punya masalah, saya punya tekanan apa, dia orang je yang membantu saya selama ni. Dia kata ‘sabar, bertahan. Itu jelah. Dia jelah yang bagi sokongan moral. Dalam saya mengandung sakit, dia kata ‘sabar, tumpukan hidup’. Lepas tu sokongan keluarga-keluarga.”*

(Informan 3)

### *Tema 3: Ikatan emosi*

Dalam menerangkan kekuatan mereka untuk meneruskan hubungan perkahwinan, responden menceritakan tentang rasa sayang terhadap perkahwinan yang telah dibina bersama pasangan. Ikatan emosi ini merujuk kepada hubungan perasaan yang istimewa yang biasanya kuat dan berterusan (Statt, 2002). Ikatan emosi sebagai sumber daya tindak dapat dijelaskan melalui pernyataan oleh Informan 1. Sternberg (1986) memperkenalkan ‘intimasi’ sebagai salah satu komponen utama dalam Teori Segi Tiga Cinta, yang merujuk kepada perasaan kedekatan, perapatan dan ikatan antara pasangan. Ini menerangkan intimasi yang wujud dalam hubungan perkahwinan berpotensi menjadi sumber kekuatan responden untuk terus melakukan daya tindak dalam rumahtangga.

*“...saya sayangkan rumah tangga saya. Sebab itu la saya bertahan sampai sekarang. Kalau tidak, sebelum ni saya tak kuat.”*

(Informan 1)

### 3. Kesejahteraan Psikologi

Kajian mendapati dua tema telah dikenalpasti yang mempunyai perkaitan dengan kesejahteraan psikologi responden iaitu ekspresi emosi negatif dan optimisme.

#### *Tema 1: Ekspresi emosi negatif*

Melalui pernyataan responden mengenai perasaan menyeluruh tentang kehidupan mereka, terdapat tiga kategori yang telah dikenal pasti iaitu kekosongan, keletihan dan kesedihan. Emosi negatif dapat difahami dengan reaksi emosi yang tidak menyenangkan dan sering mengganggu, bertujuan untuk mengekspresikan perasaan negatif (American Psychological Association, 2009).

Beberapa responden didapati berasa sunyi dan kosong ketika ketiadaan suami di sisi sebagai teman hidup seperti yang dinyatakan Informan 1. Perpisahan fizikal dengan suami tersebut dinyatakan sebagai kehilangan tempat untuk meluahkan fikiran dan isi hati. Sementara itu, responden lain pula menyifatkan kekosongan dirasai walaupun masih mempunyai suami seperti yang dilaporkan Informan 5. Pernyataan tersebut menunjukkan responden tidak berasakan kebersamaan suami walaupun masih berstatus pasangan suami isteri. Rasa kekosongan dan kesunyian dalam perkahwinan tersebut boleh berpunca dari jangkauan wanita yang tinggi terhadap intimasi dalam hubungan perkahwinan (Tornstam, 1992).

*“Emm, saya rasa sunyi. Saya rasa kosong. Saya dah tak ada teman borak. Saya borak dengan anak saya yang cakap macam apa-apa tu. Itu jela yang saya rasa sekarang.”*

(Informan 1)

*“Sekarang saya rasa kosong. Tak rasa apa-apa. Walaupun dia kat sana, macam saya rasa kosong. Tapi saya dengan anak, saya rasa macam saya ada anak lagi ni. Saya ada keluarga, saya ada apa. Bila saya seorang, saya fikir macam tak ada apa-apa. Macam saya tak ada suami.”*

(Informan 5)

Selain itu, responden turut mengekspresikan bahawa mereka berasa letih untuk memikul tanggungjawab bersendirian terutama dalam berkerja bagi memenuhi keperluan keluarga. Pernyataan Informan 2 menunjukkan bebanan tanggungjawab yang perlu ditanggung responden mungkin melebihi kemampuan mereka. Pernyataan ini menunjukkan bahawa responden mengalami keletihan dalam menguruskan urusan rumahtangga bersendirian iaitu tanggungjawab mencari nafkah, menguruskan anak-anak serta melakukan tugas di rumah dalam waktu yang sama. Bebanan kerja serta tugas rumahtangga ini mampu menyebabkan kelesuan kerja dan emosi dalam perkahwinan (Alsawalqa, 2019). Sementara itu, responden juga menyatakan keletihan ketika berlakunya pergaduhan dengan suami seperti yang dilaporkan Informan 4. Ini menunjukkan responden mengalami keletihan akibat konflik perkahwinan yang terjadi sehingga bertindak untuk mengabaikan suami.

*“Memang ikutkan, saya dah penat dah. Tak nak kerja. Bila dia balik nanti saya tak nak kerja. Biar dia kerja seorang semua kan.”*

(Informan 2)

*“Kira macam duduk bergaduh-bergaduh je lah. Sekarang ni je saya macam tak mahu, letih dah. Memang saya tak ambil tahu dah.”*

(Informan 4)

Kajian turut mendapati majoriti daripada responden menyatakan perasaan sedih atas tekanan yang perlu dihadapi kesan daripada penagihan dadah suami, termasuklah berkaitan hubungan perkahwinan serta masalah kehidupan seperti yang dinyatakan oleh Informan 2. Perasaan sedih tersebut mengekspresikan pengaruh isu penagih dadah suami terhadap keadaan kesejahteraan dirinya. Selain itu, terdapat responden yang mempersoalkan nasibnya yang mempunyai pasangan yang terlibat dengan penagihan dadah seperti yang dinyatakan oleh Informan 4. Perbandingan sosial ini menunjukkan penyesalan responden terhadap ketagihan dadah yang dialami pasangan.

*“Kira Sedihlah. Sedih sebab Allah uji hidup macam ni.”*

(Informan 2)

*“Kadang-kadang saya rasa macam nasib saya kenapa tak sama macam orang lain. Dapat suami yang sempurna, walaupun tak kaya pun takpe janji tak hisap dadah kan.”*

(Informan 4)

## *Tema 2: Optimisme*

Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan optimisme sebagai sikap yang melihat segala hal dari sudut yang baik atau menjangkakan perkembangan yang baik. Walaupun responden berhadapan dengan pelbagai tekanan dan tanggungjawab, harapan adalah elemen yang dikenal pasti sebagai pandangan positif responden untuk membina keluarga yang lebih sejahtera pada masa akan datang. Pernyataan Informan 1 dan Informan 2 menunjukkan responden ingin mengubah keadaan keluarga bagi mencapai kebahagiaan dalam rumahtangga kelak. Ini jelas menunjukkan responden mempunyai harapan dan arah perancangan untuk diri, pasangan dan anak-anak setelah selesai tempoh pemulihan pasangan. Perancangan tersebut adalah dari segi peningkatan tahap ekonomi keluarga, pengurusan tugas keibubapaan, kemandirian keluarga serta pendidikan formal anak-



anak. Ini dapat menjelaskan harapan sebagai sumber yang membantu individu melakukan penyesuaian yang baik ketika menghadapi cabaran hidup seterusnya menggalakkan kesejahteraan individu (Lee & Gallagher, 2018). Kesimpulannya, isteri B40 kepada penagih dadah mengalami kedua-dua aspek emosi negatif dan positif dalam fasa membesarkan anak-anak.

*“Saya harap keluarga saya hidup bahagia macam keluarga orang lain. Saya tak nak keluarga saya jadi macam sebelum ni. Itulah saya harapkan.”*

(Informan 1)

*“Kalau lepas dia keluar la. Saya nak suruh dia kerja lepas ni. Ape ni, kalau boleh macam nak majukan diri. Kita taknak harapkan bantuan. Macam dulu-dulu la kehidupan kita orang. Dia bekerja, saya kerja. Lepastu anak-anak macam. Maksudnya anak-anak lebih, bila saya ni ada, anak-anak tak adalah terabai sangat kan. Sekurangnya dia ada kan....saya nak sekolahkan dorang kat sana. At least dorang lagi disiplin.”*

(Informan 2)

## Perbincangan

Kajian ini mengenalpasti strategi daya tindak, sumber daya tindak dan kesejahteraan psikologi responden yang mempunyai suami yang terlibat dengan penagihan dadah. Keluarga yang berhadapan dengan isu penagihan dadah sering dikaitkan dengan pelbagai faktor tekanan kehidupan. Berdasarkan dapatan kajian, strategi daya tindak utama yang digunakan oleh isteri B40 kepada penagih dadah adalah terdiri daripada daya tindak fokus masalah dan daya tindak fokus emosi. Singh, Azman dan Drani (2019) menekankan strategi daya tindak fokus masalah dan fokus emosi bagi ahli keluarga penagih dadah menangani tekanan yang wujud dalam keluarga. Ini adalah selari dengan daya tindak yang diamalkan responden dalam kajian ini.

Selain itu, dapatan kajian juga mengenalpasti tiga tema yang mempunyai perkaitan dengan sumber daya tindak yang dimanfaatkan responden untuk beradaptasi dengan situasi tekanan iaitu komitmen keibubapaan, sokongan sosial serta ikatan emosi. Membincangkan tentang sumber daya tindak, elemen-elemen tersebut dilihat sebagai faktor pembina kepada proses adaptasi yang lebih positif dan berkesan untuk responden. Hasil kajian tersebut menggambarkan bahawa kebanyakan responden berhasil melakukan penyesuaian disebabkan oleh rasa tanggungjawab untuk mendidik dan membesarkan anak-anak serta menerima pelbagai sokongan sosial dari orang sekeliling. Kedekatan emosi terhadap rumahtangga juga menjadi sumber kekuatan isteri kepada penagih dadah untuk melalui proses adaptasi selama suami menjalani pemulihan. Walau bagaimanapun, kekurangan sokongan sosial yang diterima isteri didapati berpotensi mengakibatkan mereka kurang kawalan ke atas tekanan yang dihadapi. Tambahan pula, hampir kesemua isteri pernah mempunyai perancangan untuk melakukan penceraian dengan pasangan yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan.

Responden kajian turut mempamerkan dua sisi emosi yang berbeza bagi aspek kesejahteraan psikologi mereka iaitu ekspresi emosi negatif dan optimisme. Secara keseluruhannya, majoriti responden menunjukkan emosi negatif sebagai pandangan menyeluruh tentang kehidupan mereka yang perlu membesarkan anak-anak bersendirian. Walaupun begitu, responden juga menggambarkan emosi positif melalui perancangan dan harapan mereka untuk membina keluarga yang lebih bahagia setelah pasangan selesai menjalani pemulihan. Ini menunjukkan harapan mampu memangkin responden untuk bersikap optimistik dalam kehidupan meskipun berhadapan dengan pelbagai faktor tekanan. Menurut Gallagher dan Lopez (2009), harapan dapat meramal pelbagai komponen kesejahteraan seseorang individu.

Akhir sekali, peningkatan kes penagihan dadah serta peningkatan statistik bagi penagih dadah relaps atau kembali ke kancah penyalahgunaan dadah amat memerlukan perhatian dari organisasi berkaitan. Ini kerana penagihan dadah dapat meningkatkan tekanan dalam sesebuah keluarga dan memberi impak kepada isteri dan anak-anak. Meskipun golongan isteri mungkin dapat menyesuaikan diri dengan tekanan yang disebabkan isu tersebut, kondisi kesejahteraan psikologi mereka berada pada tahap yang membimbangkan kerana wanita yang mempunyai pelbagai kerja didapati lebih cenderung untuk mengalami masalah mental (Bruns & Pilkauskas, 2019). Melalui kajian ini, sokongan sosial didapati perlu digiatkan bagi memangkin

isteri ke arah adaptasi kehidupan serta kesejahteraan psikologi yang lebih baik. Oleh yang demikian, isu penagihan dadah dapat dihentikan bagi menjamin generasi akan datang yang lebih sejahtera.

### **Kesimpulan**

Hasil analisis kajian membolehkan pengkaji meneroka dengan mendalam berkenaan strategi daya tindak, sumber daya tindak dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan isteri penagih dadah B40. Dapatan kajian mendapati daya tindak utama yang digunakan adalah daya tindak fokus masalah dan daya tindak fokus emosi. Dapatan kajian turut mendapati terdapat tiga dapatan utama sumber daya tindak isteri penagih dadah B40 iaitu komitmen keibubapaan, sokongan sosial serta ikatan emosi. Bagi aspek kesejahteraan psikologi pula, isteri penagih dadah cenderung menunjukkan ekspresi emosi negatif dan optimism terhadap isu berkaitan penagihan suami. Dapatan kajian ini bermanfaat kepada ahli psikologi dan golongan profesional lain dalam membantu isteri penagih dadah B40 beradaptasi dengan tekanan yang dihadapi. Intervensi yang bersesuaian juga boleh dilakukan berdasarkan daya tindak yang telah dikenalpasti dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, kajian ini masih mempunyai batasan disebabkan penglibatan isteri kepada penagih dadah yang tidak menyeluruh di negara Malaysia. Maka, kajian menyarankan agar penglibatan sampel kajian yang lebih luas seperti di setiap negeri di Malaysia dijalankan. Kajian ini juga hanya melibatkan isteri B40 kepada penagih dadah yang sedang menjalani pemulihan di pusat pemulihan dadah. Oleh itu, kajian akan datang juga wajar mesasarkan isteri kepada penagih dadah yang masih tinggal bersama suami sebagai unit analisis bagi mengenalpasti perbezaan strategi daya tindak yang dilakukan isteri ketika tinggal bersama suami yang terlibat dengan penagihan dadah. Di samping itu, kajian hanya mengenalpasti beberapa strategi daya tindak, sumber daya tindak serta kesejahteraan psikologi bagi isteri penagih dadah dalam kajian ini. Justifikasinya, penyelidik akan datang disarankan untuk mempertimbangkan penerokaan elemen-elemen yang lebih pelbagai berkaitan dengan tema tersebut bagi memahami proses daya tindak dan adaptasi isteri kepada penagih dadah dari aspek yang lebih luas.

**Penghargaan:** Sekalung ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas pembiayaan *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/SS05/UPM/02/6) bagi projek penyelidikan bertajuk 'Pemodelan Daya Tindak, Adaptasi dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Isteri B40 Kepada Penagih Dadah di Malaysia'. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan responden kajian di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan kajian ini.

**Kelulusan Etika:** Kelulusan etika kajian ini diperoleh melalui Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Subjek Manusia Universiti Putra Malaysia (Jawatankuasa Etika Universiti Penyelidikan Melibatkan Manusia) dengan No. Rujukan: JKEUPM-2020-406.

**Persetujuan Termaklum:** Persetujuan bertulis daripada peserta kajian telah diperoleh sebelum temubual dilakukan.

**Konflik Kepentingan:** Diakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abd Hamid, S. R., & Salleh, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 84, 1154-1159. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.06.718>
- Abd Moen, J., Che Omar, A. R., Ishak, S., Darawi, Z., & Hamdan, H. (2012). Amalan pengurusan kewangan di kalangan usahawan asnaf. *Prosiding PERKEM VII*. 2(762-769).
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2020). *Maklumat dadah 2020*. <https://www.adk.gov.my/category/media-dan-penerbitan/maklumat-dadah>

- Alsawalqa, R. O. (2019). Marriage burnout: When the emotions exhausted quietly quantitative research. *Iranian Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 13(2). <https://doi.org/10.5812/ijpbs.68833>
- American Psychological Association. (2009). Adjustment. In G. R. VandenBos, *APA concise dictionary of psychology* 1st ed. (pp. 11). American Psychological Association.
- American Psychological Association. (2009). Negative emotion. In G. R. VandenBos, *APA concise dictionary of psychology* 1st ed. (pp. 318). American Psychological Association.
- Arcidiacono, C., Velleman, R., Procentese, F., Albanesi, C., & Sommantico, M. (2009). Impact and coping in Italian families of drug and alcohol users. *Qualitative Research in Psychology*, 6(4), 260-280. <https://doi.org/10.1080/14780880802182263>
- Bekircan, E., & Tanriverdi, D. (2019). Adverse effects on people's lives and functioning and marital adjustment of substance use disorder in the Turkish population. *Journal of Substance Use*, 25(2), 205–210. <https://doi.org/10.1080/14659891.2019.1675786>
- Bhowmick, P., Tripathi, B. M., Jhingan, H. P., & Pandey, R. M. (2001). Social support, coping resources and codependence in spouses of individuals with alcohol and drug dependence. *Indian Journal of Psychiatry*, 43(3), 219.
- Bruns, A., & Pilkauskas, N. (2019). Multiple job holding and mental health among low-income mothers. *Women's Health Issues*, 29(3), 205-212. <https://doi.org/10.1016/j.whi.2019.01.006>
- Carney, T., Chibambo, V., Ward, C., & Myers, B. (2021). A qualitative study of caregiver's perceptions and needs around adolescent substance use and other risk behaviours. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 19(5), 1485–1496. <https://doi.org/10.1007/s11469-020-00238-8>
- Chanda, K., & Pujar, L. (2018). Stress and psychological well-being among single parents. *International Journal of Pure and Applied Bioscience*, 6(4), 226-232. <https://doi.org/10.18782/2320-7051.6692>
- Fathi, M., Khakrangin, M., Haghdin, M., & Janadleh, A. (2020). Exploring the problems and needs of women whose spouses are involved in substance use: A qualitative research study in an Iranian context. *Journal of Substance Use*, 25(4), 363–366. <https://doi.org/10.1080/14659891.2019.1704080>
- Fereidouni, Z., Joolae, S., Fatemi, N. S., Mirlashari, J., Meshkibaf, M. H., & Orford, J. (2015). What is it like to be the wife of an addicted man in Iran? A qualitative study. *Addiction Research and Theory*, 23(2), 99–107. <https://doi.org/10.3109/16066359.2014.943199>
- Gallagher, M. W., & Lopez, S. J. (2009). Positive expectancies and mental health: Identifying the unique contributions of hope and optimism. *The Journal of Positive Psychology*, 4(6), 548-556. <https://doi.org/10.1080/17439760903157166>
- Gould, T. J. (2010). Addiction and cognition. *Addiction Science & Clinical Practice*, 5(2), 4.
- Gupta, J., Mattoo, S. K., Basu, D., & Sarkar, S. (2014). Psychiatric morbidity, social support, and coping in wives of alcohol and opioid dependent men. *International Journal of Mental Health*, 43(2), 81-94. <https://doi.org/10.2753/IMH0020-7411430206>
- Holahan, C. J., Moos, R. H., Holahan, C. K., Brennan, P. L., & Schutte, K. K. (2005). Stress generation, avoidance coping, and depressive symptoms: a 10-year model. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 73(4), 658. <https://doi.org/10.1037/0022-006X.73.4.658>
- Isaacs, V., Mohamad, N., Mustafa, L. ., & Zakaria, H. (2019). Hubungan antara Penagihan Dadah dengan Keganasan Rumah Tangga. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 25, 7-13.
- Kasim, A. C., Abdul Sani, U.A.H. & Manap, J. (2017). Pengaruh aspek spiritualiti terhadap strategi daya tindak golongan wanita dewasa awal. *e- Bangi*, 14(5).
- Kendrick, H. M., & Drentea, P. (2016). Marital adjustment. *Encyclopedia of Family Studies*, 1-2. <https://doi.org/10.1002/9781119085621.wbefs071>
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. Springer Publishing Company.
- Lee, J. Y., & Gallagher, M. W. (2018). Hope and well-being. *The Oxford handbook of hope*, 287-298. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199399314.013.20>
- Lex, B. W. (1990). Male heroin addicts and their female mates: Impact on disorder and recovery. *Journal of Substance Abuse*, 2(2), 147-175. [https://doi.org/10.1016/S0899-3289\(05\)80053-7](https://doi.org/10.1016/S0899-3289(05)80053-7)

- Nadkarni, A., Dabholkar, H., McCambridge, J., Bhat, B., Kumar, S., Mohanraj, R., Murthy, P., & Patel, V. (2013). The explanatory models and coping strategies for alcohol use disorders: An exploratory qualitative study from India. *Asian Journal of Psychiatry*, 6(6), 521-527. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2013.06.010>
- National Institute of Drug Abuse. (2020, Jun 9). *Health consequences of drug misuse introduction*. <https://www.drugabuse.gov/drug-topics/health-consequences-drug-misuse/introduction>
- Ólafsdóttir, J. M. (2020). *Addiction within families The impact of substance use disorder on the family system* [University of Iceland]. <http://urn.fi/URN:ISBN:978-952-337-229-0>
- Pandey, S., & Shrestha K. (2020). Coping strategies among spouses of alcohol dependents at Gokarneswor, Kathmandu, Nepal. *Journal of Mental Health and Clinical Psychology*, 4(1), 1-5.
- Piechowski, L. D. (1992). Mental health and women's multiple roles. *Families in Society*, 73(3), 131-141. <https://doi.org/10.1177/104438949207300301>
- Rao, T. S., & Kuruvilla, K. (1992). A study on the coping behaviours of wives of alcoholics. *Indian Journal of Psychiatry*, 34(4), 359.
- Roy, A., & Ferguson, C. J. (2016). Competitively versus cooperatively? An analysis of the effect of game play on levels of stress. *Computers in Human Behavior*, 56, 14-20. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.11.020>
- Schultz, P., & Alpaslan, A. H. (Nicky). (2020). Playing the second fiddle - The experiences, challenges and coping strategies of concerned significant others of partners with a substance use disorder: Informing social work interventions. *Social Work*, 56(4), 430-446. <https://doi.org/doi:http://dx.doi.org/10.15270/52-2-885>
- Schwarzer, R., & Leppin, A. (1991). Social support and health: A theoretical and empirical overview. *Journal of Social and Personal Relationships*, 8(1), 99-127. <https://doi.org/10.1177/0265407591081005>
- Singh, P. J., Azman, A., & Drani, S. (2019). Coping with drug abuser in the family: A qualitative study in Penang, Malaysia. *Asian Social Work Journal*, 4(2), 22-27. <https://doi.org/10.47405/aswj.v4i2.86>
- Statt, D. (2002). *The concise dictionary of psychology*. Routledge.
- Sternberg, R. J. (1986). A triangular theory of love. *Psychological Review*, 93(2), 119.
- Subekti, H., Rahmat, I., & Wilopo, S. (2021). Stress-adaptation among family of adolescent with substance misuse: Systematic literature review. *Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences*, 9, 474-480. <https://doi.org/10.3889/oamjms.2021.6696>
- Taylor, M., Stevens, G., Agho, K., & Raphael, B. (2017). The impacts of household financial stress, resilience, social support, and other adversities on the psychological distress of Western Sydney parents. *International Journal of Population Research*, 1-12, <https://doi.org/10.1155/2017/6310683>
- Tornstam, L. (1992). Loneliness in marriage. *Journal of Social and Personal Relationships*, 9(2), 197-217. <https://doi.org/10.1177/0265407592092003>
- Tran, T. V., & McInnis-Dittrich, K. (2000). Social support, stress, and psychological distress among single mothers. *Race, Gender & Class*, 7(4), 121-138.
- Wilson, S. R., Lubman, D. I., Rodda, S., Manning, V., & Yap, M. B. H. (2019). The impact of problematic substance use on partners' interpersonal relationships: qualitative analysis of counselling transcripts from a national online service. *Drugs: Education, Prevention and Policy*, 26(5), 429-436. <https://doi.org/10.1080/09687637.2018.1472217>